

21/10/2001

Pastikan Belanjawan 2002 menguntungkan semua

KIAU rasa tentu banyak orang dan pihak berasa lega dengan Belanjawan 2002 yang dibentang oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Parlimen, kelmarin.

Yang Kiau rasa kurang setuju dengan Menteri Kewangan ialah orang yang hisap rokok. Cukai rokok dan tembakau naik lagi. Harga minyak petrol dan diesel pun naik juga.

Inilah belanjawan. Ada yang kerajaan bagi dan ada yang ia ambil balik. Kalau tidak dari mana kerajaan nak cari duit. Itu pun tak cukup juga.

Kerajaan cadang belanja RM100.52 bilion sedangkan hasil dianggarkan RM73.4 bilion saja.

Daripada jumlah itu, RM66.98 bilion belanja mengurus macam bagi gaji menteri, gaji wakil rakyat dan gaji kakitangan awam, urus bangunan, urus kereta, bayar hutang, bayar pencen dan ganjaran-ganjaran lain.

Belanja pembangunan macam buat sekolah, jalan raya, balai raya, hospital dan sebagainya berjumlah RM33.54 bilion.

Apabila hasil kurang daripada perbelanjaan, kerajaan kenalah guna rizab, itu pun kalau ada, dan berhutang. Selalunya kerajaan berhutang.

Jadi dalam kita gembira kerana ada cukai yang diturunkan atau kerana dapat bonus dan naik gaji, kita kenalah juga faham tujuan dan maksud kerajaan melakukan sesuatu.

Kerajaan terpaksa belanja lebih besar kerana ekonomi negara dalam keadaan tertekan. Pada mulanya ekonomi dunia, khususnya ekonomi Amerika, sudah pun mula lemah.

Kerana kita banyak bergantung kepada pasaran Amerika, kelemahan ekonomi negara itu akan menjejaskan eksport barang-barang buatan kita, khususnya barangan elektronik.

Itu sebelum serangan pengganas ke atas Amerika 11 September lalu. Apabila ini berlaku, ekonomi Amerika jadi lebih lemah. Kesannya kepada kita bertambah buruk.

Jadi janganlah kita sangka yang kena serang hanya Amerika. Kita pun turut menderita kesannya. Kiau bimbang kesan jangka panjang keganasan lebih buruk daripada yang kita berani mengakuinya.

Banyak kilang milik Amerika di negara kita atau yang mengeluarkan barang-barang untuk pasaran Amerika sudah pun mula mengurangkan pengeluaran dan memberhentikan pekerja.

Jadi secara tidak langsung kita pun turut kena bom Osama bin Laden dan pengganasnya. Tapi kalau kita sokong mereka, kita mesti sanggup hilang pekerjaan, apatah lagi kalau kita bekerja di kilang dan syarikat milik Amerika.

Kakitangan kerajaan pun janganlah seronok sangat dapat setengah bulan bonus atau minimum RM1,000 kerana sebenarnya dalam keadaan ekonomi sekarang banyak pekerja yang bukan saja tidak dapat bonus malah sudah ada yang kena potong gaji atau hilang kerja.

Maaflah kalau Kiau kata Kiau pening sikit macam mana kakitangan awam masih berhak terima bonus apabila kerajaan terpaksa berhutang dengan banyak dan ramai pekerja lain sudah kena potong gaji atau dibuang kerja.

Apabila dapat habuan tambahan tentulah gembira. Sama ada produktiviti sampai ke tahap yang diharapkan atau bertambah nampaknya tidak jadi soal. Tak kiralah faham atau tidak soal belanjawan. Asalkan dapat habuan lebih tentulah seronok. Yang lain belakang kira. Orang lain susah itu bukan masalah kita.

Tapi mengurus ekonomi bukanlah semudah itu. Bukan setakat bentang belanjawan. Kerajaan kena fikir macam mana nak cari duit, macam mana nak bayar hutang, macam mana nak kawal harga supaya tidak naik.

Kita semua tahu apabila gaji kakitangan awam naik, walaupun sikit, tekanan ke atas harga pengguna naik. Dulu kita kata sindrom cikgu. Apabila gaji guru naik, harga barang pun naik.

Ini bukan apa tapi pasal kakitangan awam sangat ramai. Walaupun ada dasar penswastaaan yang kononnya akan kurangkan beban kewangan kerajaan dan bilangan kakitangan awam, jumlah kakitangan awam tetap tinggi - 850,000 kata Dr Mahathir.

Kalau harga barang pengguna naik kerana 850,000 orang dapat bonus dan kenaikan gaji, apa halnya dengan jutaan lagi pekerja swasta dan rakyat jelata yang bekerja sendiri?

Betullah kerajaan boleh berhutang. Tapi siapa yang akan bayar? Kita juga. Apabila kita tak habis bayar pasal kita pencen, menganggur atau mati, anak cucu kitalah yang tanggung hutang itu.

Jadi kita janganlah fikir diri kita saja. Lebih-lebih lagi kakitangan awam. Mereka kenalah fikir nasib orang lain juga. Kakitangan awam tak kira ekonomi buruk atau baik, gaji tetap dapat, kerja tetap selamat.

Kiau mintalah jangan Akujanji sana, Akujanji sini tapi kerja tak jadi. Yang jadi curi tulang, salah guna kuasa, rasuah dan belot. Kiau cabar Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Samsudin Osman, jaga anak buah betul-betul, segerakan pelaksanaan projek pembangunan, bayar kontraktor ikut jadual dan nyahkan kakitangan awam yang tidak amanah.

(END)